



Khasiat Pohon Bidara

Pada zaman dahulu, banyak pokok yang tumbuh secara semula jadi di keliling kampung sering dijadikan sebagai sumber keperluan dalam kehidupan seharian. Antara pokok ini termasuklah pokok kelapa, pokok kantan dan pohon bidara.

Pohon bidara selalu digunakan sebagai bahan untuk memandikan jenazah orang Islam. Pohon bidara mudah ditemukan di sekitar masjid atau surau di kampung. Pokok ini ditanam untuk memudahkan tukang mandi jenazah mendapatkan sumber daun pohon bidara. Pohon bidara sama seperti pokok lain yang ada di Malaysia, iaitu pohon malar hijau yang hidup pada sepanjang tahun dengan ketinggian mencapai 15 meter.

Pokok ini rendah dan mempunyai duri halus pada hujung pangkal daun. Pohon bidara mampu membesar dalam tempoh yang cepat. Di utara Australia, pohon bidara dianggap sebagai tumbuhan perosak kerana mudah tumbuh dan membesar, seterusnya menjadi pesaing kepada pokok asal di Australia.

Pohon bidara digunakan sejak dahulu, terutamanya untuk memandikan jenazah. Secara biasanya, setelah badan jenazah disucikan daripada segala kotoran, jenazah mula dimandikan sebanyak tiga kali. Air mandian pertama menggunakan air daun pohon bidara.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Dahiru pada tahun 2006, bagi kegunaan dalaman, daun pohon bidara yang ditumbuk lumat dipercayai mampu merawat penyakit hepatitis, asma dan demam yang berpanjangan. Selain itu, daun pohon bidara dijadikan sebagai satu daripada sumber makanan ternakan, seperti unta, kambing dan biri-biri di sesetengah negara Arab.


Buah bidara turut digunakan untuk merawat luka kecil dan ulser. Bahagian lain pohon bidara, terutamanya buah dan daunnya, menghasilkan banyak sebatian kimia setelah diekstrak. Keberkesanan sesetengah bahan ini untuk mencegah pelbagai penyakit dikaji dan dibuktikan secara saintifik. Kandungan sebatian utamanya ialah tanin, saponin dan fenol.


Banyak kajian saintifik tentang khasiat pohon bidara dilakukan sehingga kini. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Richard daripada Fakulti Sains,

Universiti Dschang, Cameroon, didapati bahawa pohon bidara mempunyai potensi yang baik untuk dijadikan sebagai antikanser. Berdasarkan kajian lapangan yang dilakukan, didapati bahawa perubatan tradisional yang ada di Cameroon yang menggunakan pohon bidara mampu mengubati kanser.


Kajian yang bertajuk "Pemeriksaan Biopetunjuk Ekstrak Metanol Pohon Bidara Lam. (Kulit) dan Kesan Pecahan Paling Aktif Pada Sel Kanser" membuktikan bahawa ekstrak metanol menunjukkan aktiviti yang positif terhadap sel kanser.

Yang seterusnya, kajian yang lebih mendalam dilakukan dengan menggunakan ekstrak diklorometan dan etil asetat. Menerusi ekstrak





Rajah 1 Struktur kimia lupeol yang ada dalam ekstrak pohon bidara.



Rajah 2 Struktur kimia epigallocatekin yang ada dalam ekstrak pohon bidara.

diklorometana didapati bahan kimia yang aktif dalam ekstrak batang bidara, iaitu lupeol dan asid betulnik, mampu menghalang proses duplikasi sel kanser. Sementara itu, ekstrak etil asetat yang mengandungi bahan kimia aktif, katekin dan epigallocatekin, pula mampu bertindak sebagai bahan antioksidan yang baik.

Oleh sebab pohon bidara turut ditemukan di India, pohon ini turut dikaji bagi merungkaikan khasiatnya dalam bidang perubatan. Satu kajian dilakukan oleh Priyanka, ahli sains daripada Universiti Sri JTT yang terletak di daerah Rajasthan, India.

Hasil penemuan ahli sains ini diterbitkan pada tahun 2014 dengan tajuk "Aktiviti Antibakteria In Vitro dan Analisis Spektroskopi Kromatografi Jisim bagi *Acacia Karoo* dan Ekstrak Pohon Bidara". Antara hasil penemuan ini termasuklah ekstrak akar pokok bidara, iaitu dengan menggunakan metanol, menunjukkan tindak balas yang baik terhadap bakteria, *Escheriachia coli* dan sederhana terhadap bakteria, *Klebsiella pneumonia*.

Penemuan ini membuktikan bahawa selain buah dan batang, akar pohon bidara turut berkhasiat dalam aktiviti antibakteria. Berdasarkan kajian kemandirian strain parasit malaria pula ekstrak metanol akar pohon bidara

menunjukkan aktiviti yang positif terhadap antiplasmodium secara in vitro. Dalam kajian ini parasit malaria, iaitu *Plasmodium falciparum*, mengalami perencatan minimum sebanyak 50 peratus apabila ekstrak akar bidara digunakan. Selain itu, ekstrak metanol bidara turut menunjukkan aktiviti mikobakteria terhadap *Mycobacterium tuberculosis* yang menjadi

penyebab utama penyakit tibi dalam kalangan manusia. Kajian ini diterbitkan dalam jurnal *Phytochemistry* pada tahun 2011 oleh Universiti Srinakharinwirot, Bangkok.

Banyak lagi rahsia pohon bidara yang masih belum diterokai. Walau bagaimanapun, ahli sains di Malaysia masih belum terlewat untuk melakukan kajian berasaskan tumbuhan ini demi mendapatkan hasil yang positif dalam pembangunan penyelidikan. Dalam masa yang sama produk berasaskan pohon bidara dapat dikomersialkan.

Dalam kajian ini parasit malaria, iaitu *Plasmodium falciparum* mengalami perencatan minimum sebanyak 50 peratus apabila ekstrak akar bidara digunakan.

